

Penternakan babi moden, perniagaan besar bagi Sarawak

2020-02-16T11:14:50+08:00



Tr Gansau Antas menyampaikan cenderamata kepada Uggah. Turut kelihatan Menteri Muda Undang-Undang dan Adat Bumiputera, Datuk John Sike Tayai (kiri).

BALINGIAN: Penternakan babi secara moden berpotensi untuk menjadi satu perniagaan yang besar bagi negeri Sarawak.

Timbalan Ketua Menteri, Datuk Amar Douglas Uggah Embas berkata tahun lepas Sarawak mengeksport lebih RM80 juta babi dan produk daging babi ke Singapura.

“Kita sekarang mengeksport 1,200 babi hidup setiap minggu ke Singapura dan kita diberitahu mereka (Singapura) mahu banyak lagi.

“Industri ini masih mempunyai banyak ruang untuk bertumbuh dan kita mencari beberapa kawasan lagi bagi pembangunan baharu,” katanya.

Uggah yang juga Menteri Pemodenan Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah berkata demikian pada Program Turun Padang Pertanian Komuniti di rumah panjang Rumah Gansau Antas di Sungai Arip dekat sini Sabtu lalu.

Tambah Uggah, ladang babi moden pertama Sarawak pada tapak seluas 804 hektar di Pasir Putih, Simunjan menempatkan lebih 50,000 ekor babi.

Sarawak katanya, adalah bebas dari penyakit kuku dan mulut dan demam African Swine yang menjejaskan banyak negara dalam Asia.

“Ini adalah kelebihan besar kita dan kita masih mempunyai banyak tanah,” katanya menambah dua ladang baharu dicadangkan di Kelawit, dekat sini dan di Samarakan di Bintulu.

Untuk Kelawit katanya, kawasan seluas lebih 500 hektar dikenal pasti, dan lebih 1,000 hektar di Samarakan bagi tujuan ini.

Pembangunan katanya, akan dijalankan oleh pelabur swasta dengan kolaborasi syarikat ladang babi yang telah ditubuhkan.

Sehubungan itu, Uggah meminta penduduk untuk mengadakan dialog bersama pemimpin dan agensi relevan bagi mengetahui lebih mengenai potensi ini.

Ladang moden katanya, tidak akan mencemarkan alam sekitar atau menjejaskan kesihatan dan kesejahteraan rakyat kerana ia diurus dengan baik.

“Terdapat protokol ketat untuk dipatuhi dan ladang baharu ini akan mewujudkan pekerjaan serta peluang perniagaan,” katanya.

Pada majlis tersebut, Uggah turut mengumumkan geran RM20,000 kepada Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK) dan RM2,000 lagi untuk dana Biro Wanita.